

Sebagai hab industri minyak, gas - Dr. Ismail

UMSKAL sedia bantu Labuan

Oleh **ŞITTI NOR AZIZAH TALATA**

utusan@utusan.com.my

UM 3.7.2013 26

LABUAN 2 Julai - Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mengalu-alukan perancangan untuk menubuhkan pengajian minyak dan gas di wilayah itu, sesuai dengan kedudukannya yang memiliki beberapa industri berkenaan seperti Petronas dan Asian Supply Base (ASB).

Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr. Ismail

Ali berkata, UMS sedia membantu Labuan sebagai hab industri minyak dan gas namun penubuhan program tersebut perlu mengikut saluran tertentu.

“Pelajar dan pelatih boleh mengikuti program berkenaan di UMS Labuan dan menjalani latihan praktikal di industri minyak dan gas sekali gus menjimatkan sumber kewangan, masa dan tenaga,” katanya selepas mengadakan kunjungan hormat ke atas Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli, di kediamannya di Jalan Tanjung Bendera, di sini

baru-baru ini.

Rombongan itu turut disertai Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr. Awang Asri Awang Ibrahim; Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil; Pegawai Hal Ehwal Pelajar, Suffian Osman dan Penolong Akauntan Kanan, Ruby Zawati Timbang.

Ismail berkata, kunjungan hormat itu diadakan untuk menyampaikan salam dan ucapan tahniah Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah atas kemenangan Rozman pada Pilihan Raya

Umum (PRU) ke-13 pada Mei lalu.

“Saya juga memaklumkan kepada Ahli Parlimen Labuan mengenai perkembangan terkini kampus dan program-program pengajian di UMSKAL, pembangunan infrastruktur dan perkembangan pelajar,” katanya.

Sementara itu, Rozman berkata, pihaknya sedia menjalin hubungan dengan UMSKAL sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah gedung ilmu tunggal di Labuan yang turut menaikkan semangat kepada generasi muda untuk melanjutkan

pelajaran ke menara gading.

Beliau juga berharap UMSKAL akan terus menyumbang kepakaran yang dimiliki pensyarah, kakitangan dan pelajar untuk membangunkan Labuan sebagai hab pendidikan yang unggul di rantau ini.

Katanya, kehadiran pelajar dan kakitangan UMSKAL dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung serta luar negara turut membantu menjana ekonomi tempatan termasuk industri pelancongan, restoran, pengangkutan dan perhotelan serta perniagaan kecil-kecilan.